

| | |
|---------------|---------------------------------|
| TARIKH | RABU, 5 JANUARI 2022 |
| AKHBAR | KOSMO |
| TAJUK ARTIKEL | RESOLUSI LIMA KUASA BESAR DUNIA |
| M/S | 33 |
| BIDANG | NUCLEAR |
| KATA KUNCI | NUCLEAR |



Dunia!

KAPAL induk Britain, HMS Queen Elizabeth meninggalkan Portsmouth, selatan England pada 1 Mei 2021. - AFP

AS, Rusia, China, Perancis, Britain berjanji akan cegah perang nuklear

Resolusi lima kuasa besar dunia

PARIS - Lima kuasa nuklear global kelmarin berikrar untuk menghalang penyebaran bom atom dan mencegah konflik nuklear dalam satu kenyataan bersama yang jarang berlaku, tanpa mengambil kira ketegangan Barat-Timur, bagi mencapai matlamat dunia bebas senjata nuklear.

"Kami percaya penyebaran senjata pemusnah ini perlu dihalang. Tiada pemenang dalam perang nuklear dan perang ini tidak boleh berlaku," kata anggota tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu terdiri daripada China, Perancis, Rusia, Britain dan Amerika Syarikat (AS).

Kenyataan itu diumumkan selepas semakan semula terbaharu Perjanjian Pengawasan Senjata Nuklear (NPT) yang sepatutnya dibuat semalam ditangguhkan kepada lewat tahun ini akibat pandemik Covid-19. NPT pertama kali berkuat kuasa pada tahun 1970.

Di sebalik ketegangan baharu melibatkan China dan Rusia dengan Barat, lima kuasa nuklear itu berkata, adalah menjadi tanggungjawab paling utama mereka untuk mengelak peperangan antara negara-negara yang memiliki senjata nuklear

di samping mengurangkan risiko strategik.

Kenyataan itu turut mengutarakan janji untuk mematuhi artikel utama dalam NPT berhubung komitmen melucutkan senjata nuklear pada masa hadapan. Senjata pemusnah besar-besaran itu digunakan sekali sahaja semasa AS menggugurkan bom atom ke atas Jepun pada penghujung Perang Dunia Kedua.

"Kami kekal komited terhadap kewajiban kami dalam NPT termasuk kewajiban untuk mematuhi Artikel 6 iaitu perjanjian pelucutan sepenuhnya senjata nuklear di bawah kawalan

kebimbangan bahawa Moscow merancang serangan baharu ke atas Ukraine. Rundingan antara Rusia dan AS berkenaan keselamatan di Eropah dijangka berlangsung di Geneva pada 10 Januari ini.

Sementara itu, kebangkitan China di bawah Presiden Xi Jinping turut mencetuskan kebimbangan bahawa ketegangan dengan Washington boleh membawa kepada konflik terutamanya melibatkan isu Taiwan.

Idea bahawa perang nuklear tidak boleh dicituskan oleh pemimpin Kesatuan Soviet, Mikhail Gorbachev disusuli oleh Presiden AS, Ronald Reagan pada 1985, namun ini kali pertama ia disebut oleh lima kuasa nuklear dunia tersebut.

NPT mengiktiraf China, Perancis, Rusia, Britain dan AS sebagai kuasa senjata nuklear. India dan Pakistan bagaimanapun turut membina senjata nuklear, manakala Israel dipercayai mempunyai senjata pemusnah tersebut walaupun Rejim Zionis tidak pernah membuat pengakuan rasmi mengenainya.

Pakistan, India dan Israel tidak menyertai NPT. Korea Utara yang turut membangunkan senjata nuklear pula bertindak keluar daripada NPT dalam tahun 2003. - AFP

GAMBAR menunjukkan Tentera Udara AS menguji peluru berpandu antara benua berkeupayaan nuklear, Minuteman III di California pada 5 Februari 2020. - AFP

PELURU berpandu buatan Rusia SS-18 (Syaitan) dilancarkan pada 21 April 1999 tanpa peledak nuklear. - AFP

KAPAL selam nuklear Tentera Pembebasan Rakyat China, Long March 10 dilihat di perairan Qingdao, wilayah Shandong pada 23 April 2019. - AFP

DISEDIAKAN OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
2-M.HAFIDZUDIN (S19), BPM
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM